

Kuiz Pelaburan PNB - Kategori Remaja 2025 **Peringkat Sekolah**

Terma & Syarat

1. Kuiz Pelaburan PNB 2025-Kategori Remaja (Kuiz Pelaburan PNB 2025) ini dianjurkan oleh Amanah Saham Nasional Berhad (No. Syarikat 197901003200 (47457-V)) ("ASNB");
2. Kuiz Pelaburan PNB 2025 ini terbuka kepada pelajar di sekolah-sekolah yang menaungi Kelab Pelaburan Bijak PNB (KPBPNB);
3. Kuiz Pelaburan PNB 2025 ini akan berlangsung mengikut peringkat iaitu, Peringkat Kelayakan, Peringkat Antara Sekolah, Peringkat Antara Negeri dan Peringkat Akhir. Kuiz Peringkat Kelayakan akan bermula pada dari 29 Mei 2025 (jam 12.00 tengah malam) hingga 10 Jun 2025 (jam 11.59 malam). (Tempoh Kuiz);
4. Penyertaan adalah menerusi Microsoft Form. Borang penyertaan boleh diakses di www.asnb.com.my
5. Untuk layak menyertai **Kuiz Pelaburan PNB 2025**, sekolah dan peserta mesti memenuhi syarat-syarat berikut:
 - i. Pelajar tingkatan 1 hingga 6 di Sekolah Menengah yang menaungi KPBPNB; dan
 - ii. Pelajar mestilah warganegara Malaysia
6. Tiga (3) pelajar dengan markah tertinggi dari setiap sekolah akan mewakili sekolah masing-masing ke Peringkat Antara Sekolah yang juga akan diadakan secara dalam talian.
7. Maklumat terperinci akan dimaklumkan selepas pemilihan pemenang Peringkat Kelayakan dimuktamadkan.

Mekanisma Kuiz Pelaburan PNB 2025 (Peringkat Kelayakan) – Peserta

8. Setiap peserta perlu menjawab 25 soalan secara dalam talian (on-line) menerusi borang penyertaan yang boleh diakses di www.asnb.com.my
9. Borang penyertaan yang diterima selepas tarikh tutup akan ditolak.
10. Pemilihan pemenang adalah berdasarkan jumlah jawapan betul.
11. Tiga (3) peserta dengan markah paling tinggi di setiap sekolah akan mewakili sekolah ke peringkat seterusnya. Sekiranya berlaku seri atau lebih daripada tiga (3) peserta dengan jumlah tertinggi dengan markah yang sama, wakil sekolah akan dipilih secara rawak menerusi sistem komputer yang dibangunkan ASNB

Mekanisma Kuiz Pelaburan PNB 2025 - Hadiah Untuk Sekolah

12. Lima belas (15) sekolah layak menerima 'Sumbangan Tunai' bergantung kepada jumlah penyertaan pelajar sekolah berkenaan. :

Kedudukan	Kelayakan	Hadiah (RM)
Pertama	Penyertaan paling banyak	2,000
Kedua	Penyertaan kedua terbanyak	1,500
Ketiga	Penyertaan ketiga terbanyak	1,000
Saguhati	Penyertaan ke 4-15 terbanyak	6000
	JUMLAH	10,500

13. Untuk layak menerima hadiah pertama, peserta dari sekolah berkenaan mestilah mencapai minimum 200 orang peserta;
14. Untuk layak menerima hadiah saguhati, sekolah mesti mencapai jumlah penyertaan minimum 50 orang peserta;
15. Sekiranya berlaku seri (jumlah penyertaan sama), pemilihan akan dibuat berdasarkan kepantasan mencapai angka penyertaan berkenaan;
16. Sumbangan akan dikreditkan ke akaun sekolah masing-masing.
17. ASNB berhak untuk mengubah, menangguhkan, menjadualkan semula atau melanjutkan Tempoh Kuiz Peringkat Kelayakan, Kuiz Peringkat Sekolah, Kuiz Peringkat Negeri dan Kuiz Peringkat Akhir atas budi bicara mutlakanya

Peringkat Pertandingan

18. Pertandingan Peringkat Kelayakan (dalam talian) – 25 soalan - untuk memilih 3 pelajar dengan markah tertinggi dari setiap sekolah untuk mewakili sekolah ke pertandingan antara sekolah
19. Pertandingan Antara Sekolah (dalam talian) – 20 soalan - untuk memilih satu sekolah dengan markah paling tinggi untuk mewakili negeri ke Pertandingan Antara Negeri
20. Pertandingan Antara Negeri (dalam talian) – 20 soalan - untuk memilih sekolah dengan markah tertinggi untuk bertanding di peringkat Akhir
21. Peringkat Kebangsaan (Fizikal) – Pertandingan untuk merebut kejuaraan Kuiz Pelaburan PNB – Kategori Remaja 2025
22. Maklumat terperinci untuk setiap peringkat akan dimaklumkan kemudian.

Pemenang dan Hadiah - Peserta

23. Pecahan hadiah Kuiz Pelaburan PNB 2025 seperti berikut:

A. Peringkat Antara Sekolah

Tempat	Hadiah (RM)	Bilangan Pemenang	Jumlah (RM)
Saguhati	100/peserta	16 negeri x 3 peserta	4,800
JUMLAH			4,800

Nota: Touch n Go e-wallet

B. Peringkat Antara Negeri

Tempat	Hadiah (RM)	Bilangan Pemenang	Jumlah (RM)
Saguhati	200/peserta	5 negeri x 3 peserta	3,000
JUMLAH			3,000

Nota: Touch n Go e-wallet

C. Peringkat Kebangsaan (Akhir)

Tempat	Hadiah (RM)	Bilangan Pemenang	Jumlah (RM)
Pertama	1,200/peserta	1 kumpulan x 3 peserta	3,600
Kedua	1,000/peserta	1 kumpulan x 3 peserta	3,000
Ketiga	700/peserta	1 kumpulan x 3 peserta	2,100
Saguhati	500/peserta	2 kumpulan x 3 peserta	3,000
JUMLAH			11,700

Nota: Unit Amanah ASNB

24. Keputusan pemenang adalah muktamad dan sebarang rayuan tidak akan dilayan.

25. Hadiah Kuiz Peringkat Akhir adalah dalam bentuk unit amanah ASNB, manakala untuk 3 peringkat awal adalah dalam bentuk baucar TnG e-Wallet

26. Hadiah tidak boleh ditukar dengan wang tunai. Pihak ASNB berhak menukar mana-mana hadiah dengan nilai yang sama.

27. Hadiah berbentuk unit amanah ASNB akan dimasukkan terus ke dalam akaun unit amanah ASNB yang dimiliki pemenang berdasarkan budi bicara penganjur.

28. Sekiranya pemenang belum mempunyai akaun dengan mana-mana unit amanah ASNB, pemenang perlu membuka akaun ASNB yang ditetapkan penganjur dalam tempoh 2 bulan dari tarikh pengumuman pemenang. Sekiranya pemenang gagal membuka akaun unit Amanah ASNB selepas 2 bulan dari tarikh pengumuman pemenang, hadiah dianggap terbatal.

29. Nama pemenang akan diumumkan di laman web ASNB, di media sosial ASNB atau mana-mana platform komunikasi yang dirasakan sesuai.
30. Sekiranya perlu, pemenang akan dihubungi oleh pihak ASNB menggunakan maklumat yang diisi dalam borang penyertaan menggunakan mana-mana kaedah komunikasi yang bersesuaian. Sekiranya pemenang gagal dihubungi selepas 2 bulan dari tarikh pengumuman pemenang, hadiah dianggap terbatal.

Lain-lain Terma & Syarat

1. Dengan menyertai Kuiz Pelaburan PNB 2025 ini, peserta telah bersetuju dengan terma dan syarat Kuiz Pelaburan PNB 2025 ini.
2. Peserta juga bersetuju bahawa melalui penyertaan dalam Kuiz Pelaburan PNB 2025 ini, peserta membenarkan ASNB dan ASNB berhak untuk menggunakan nama, butiran peribadi dan gambar peserta dan/atau peserta untuk tujuan pemasaran, pengiklanan dan publisiti, menurut peruntukan perundangan berkaitan, tanpa membayar sebarang kos atau pampasan.
3. Semua peserta Kuiz Pelaburan PNB 2025 ini bertanggungjawab ke atas segala cukai, kadar, fi atau sebarang bayaran yang mungkin dikenakan ke atas mereka menurut undang-undang berkaitan dengan Kuiz Pelaburan PNB 2025 ini.
4. ASNB tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerosakan atau kerugian, sama ada secara langsung atau tidak langsung, yang berlaku berkaitan Kuiz Pelaburan PNB 2025 ini. ASNB juga tidak boleh dipertanggungjawabkan jika berlaku sebarang kejadian bencana semula jadi, peperangan, rusuhan, mogok, sekatan, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, rebut, pandemik, kegagalan teknikal atau sistem atau sebarang kejadian di luar kawalan ASNB.
5. Pihak ASNB berhak untuk meminda, memendekkan, membatalkan, menggantung atau menamatkan Kuiz Pelaburan PNB 2025 ini secara keseluruhan atau sebahagian atau untuk mengubah, memadam atau menambah mana-mana Terma dan Syarat pada bila-bila masa.
6. ASNB Berhak untuk menarik semula/membatalkan penyertaan mana-mana peserta yang tidak mematuhi terma dan syarat seperti yang dinyatakan dan/atau didapati atau disyaki telah mengganggu proses atau perjalanan Kuiz Pelaburan PNB 2025 ini. Gangguan yang dimaksudkan merangkumi kegiatan penipuan yang melibatkan sebarang tipu daya, penipuan dan/atau pemalsuan berkaitan dengan Kuiz Pelaburan PNB 2025.
7. ASNB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan atas sebarang kerugian yang ditanggung oleh peserta yang berpunca secara langsung atau tidak langsung daripada penglibatan peserta dalam Kuiz Pelaburan PNB 2025 ini.
8. Terma dan syarat Kuiz Pelaburan PNB 2025 ini akan mengatasi mana-mana peruntukan atau kenyataan berkaitan Kuiz Pelaburan PNB 2025 ini yang terkandung dalam mana-mana bahan-bahan promosi samada bercetak atau elektronik.
9. Terma dan syarat Kuiz Pelaburan PNB 2025 ini tertakluk pada undang-undang Malaysia.